

EKSPLORASI CABARAN PELAKSANAAN KBAT DALAM PENDIDIKAN SIRAH: PERSPEKTIF GURU CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM

EXPLORING THE CHALLENGES OF IMPLEMENTING HOTS IN SIRAH EDUCATION: THE PERSPECTIVE OF EXCELLENT TEACHERS OF ISLAMIC EDUCATION

Siti Norhafizah Sheikh Abdul Arim¹
Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain²

¹Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia
(E-mail: siti.norhafizah@graduate.utm.my)

²Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia, (E-mail:
muhammadtalhahtalhah.j@utm.my)

Article history

Received date : 10-2-2025
Revised date : 11-2-2025
Accepted date : 19-3-2025
Published date : 27-3-2025

To cite this document:

Sheikh Abdul Arim, S. N., & Ajmain @ Jima'ain, M. T. (2025). Eksplorasi cabaran pelaksanaan KBAT dalam pendidikan sirah: Perspektif guru cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*,10 (71), 526-540.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor kelemahan yang terdapat pada bidang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Sirah di sekolah menengah. Pendidikan Sirah merupakan komponen penting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang bertujuan memberi pengajaran dan teladan dalam kehidupan seharian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual berstruktur dengan enam orang Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dari lima buah sekolah di Selangor. Pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan, melibatkan guru yang berpengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun. Hasil kajian mengenal pasti lima faktor utama kelemahan dalam pengajaran KBAT Pendidikan Sirah. Pertama, murid menghadapi kesukaran dalam menghafal fakta-fakta penting. Kedua, kelemahan dalam kemahiran membaca Jawi yang menyukarkan penggunaan buku teks. Ketiga, kekurangan penguasaan dalam kemahiran menjawab soalan KBAT. Keempat, kepelbagaian latar belakang murid yang memerlukan pendekatan pengajaran berbeza. Kelima, sikap murid yang menganggap Sirah membosankan seperti mata pelajaran Sejarah, ditambah dengan guru yang kurang membuat perkaitan antara Sirah dengan konteks kehidupan semasa. Kajian mencadangkan beberapa penambahbaikan, termasuk keperluan guru untuk lebih proaktif dalam membangunkan strategi pengajaran KBAT, penggunaan kaedah pengajaran yang lebih kreatif dan interaktif, serta penekanan pada pemahaman berbanding hafalan semata-mata. Guru juga perlu menghubungkan pengajaran Sirah dengan realiti kehidupan semasa dan menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik. Kajian ini menyimpulkan bahawa pengajaran KBAT dalam Pendidikan Sirah

memerlukan pendekatan yang holistik dan seimbang, dengan mengambil kira keperluan murid serta peranan penting guru dalam menjayakan proses pembelajaran.

Kata Kunci: Pendidikan Sirah, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, pengajaran, Pendidikan Islam

Abstract: This study aims to identify the factors contributing to weaknesses in the field of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Sirah Education at the secondary school level. Sirah Education is an important component of Islamic Education that aims to provide teaching and exemplary models for daily life. This study employs a qualitative approach through structured interviews with six Excellent Islamic Education Teachers (EIET) from five schools in Selangor. Purposive sampling was used, involving teachers with more than ten years of teaching experience. The findings identified five major factors contributing to weaknesses in teaching HOTS in Sirah Education. First, students face difficulties in memorizing important facts. Second, weaknesses in Jawi reading skills make textbook usage challenging. Third, there is a lack of proficiency in answering HOTS questions. Fourth, the diverse student backgrounds necessitate different teaching approaches. Fifth, students' perception that Sirah is as boring as History, compounded by teachers who fail to make connections between Sirah and contemporary life contexts. The study suggests several improvements, including the need for teachers to be more proactive in developing HOTS teaching strategies, using more creative and interactive teaching methods, and emphasizing understanding rather than mere memorization. Teachers also need to connect Sirah teachings with current life realities and use appropriate and engaging teaching aids. This study concludes that teaching HOTS in Sirah Education requires a holistic and balanced approach, taking into account students' needs and the crucial role of teachers in ensuring successful learning.

Keywords: Sirah Education, Higher Order Thinking Skills, teaching, Islamic Education

Pengenalan

Pendidikan sirah merupakan sebuah bidang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang hadir sebagai memberi pengajaran terhadap peristiwa yang berlaku dalam kehidupan sekeliling. Ianya amat penting dalam memberi teladan dan pengajaran dalam kehidupan sehari-hari. Sehubungan itu, perlu diberikan penekanan yang lebih besar pada proses pembelajaran pendidikan sirah dalam konteks pendidikan Islam agar dapat memahami aspek-aspek yang lebih mendalam dan praktikal dari al-Quran dan as-Sunnah (Talhah Ajmain, 2021).

Penghasilan keupayaan berfikir memerlukan kecemerlangan akal yang berkualiti dalam membentuk pemahaman yang berkesan. Dalam pandangan Islam, akal didorong untuk menjalankan penyelidikan, melakukan pengamatan, mencari maklumat, dan menghasilkan hipotesis dalam kehidupan seharian dengan berpandukan al-Quran. (Az-Zumar: 18; Al-A'raf: 204; At-Tawbah: 61). Selain itu, peranan akal memainkan peranan sangat penting dalam tatacara kehidupan dalam menentukan setiap tindak tanduk dan pilihan. Sarjana Islam seperti Ibnu Khaldun (1377) juga mengklasifikasikan akal kepada empat peringkat taksonomi iaitu *akal tamyizi*, *tajribi*, *nazori* dan *hakikat insaniyah*. Proses penggunaan akal yang menyeluruh dan bersistematik berupaya untuk memastikan penghayatan sirah dalam kalangan pelajar. Hal ini berasaskan penghayatan sirah memerlukan kejelasan fikiran yang diperkukuhkan dengan dalil - dalil *naqliyah* dan *aqliyah* sehingga menghilangkan sebarang kesamaran (Norsaleha, 2015).

Menurut (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2010, KPM) matlamat dalam pengajaran pendidikan sirah peringkat sekolah rendah adalah untuk menghayati sirah Rasulullah SAW agar murid mengambil pengajaran serta mengembalikan Islam kepada realiti hari ini. Hal ini penting dididik bermula dari sekolah rendah, kerana hasil didikan ini dapat membentuk sikap dan jati diri murid di sekolah menengah.

Namun, kajian yang lebih mendalam terhadap pelaksanaan pengajaran KBAT pada bidang sirah perlu diperhalusi terutama dalam menjelaskan lebih terperinci faktor yang boleh mengintegrasikan KBAT ketika PdPc dan hubungkait dengan kehidupan. Hal ini disokong oleh kebimbangan ibu bapa yang dilaporkan oleh Nazri Abu Bakar (2023) berkenaan KBAT yang dikatakan sudah tersasar. Selain itu, menurut Zakaria et al. (2022), kajian terhadap 120 murid mendapati hanya 2.5% daripada mereka menunjukkan minat yang rendah terhadap Sirah Rasul. Kajian ini, yang dijalankan di sekolah rendah Islam, menunjukkan keperluan untuk kajian lanjut mengenai punca kurangnya minat murid terhadap Sirah Rasul. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang menyebabkan murid sekolah rendah kurang berminat, supaya dapat mencari penyelesaian dalam kaedah pembelajaran nanti.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan Ali & Buchik (2017), Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengumumkan bahawa perkembangan intelek remaja sekolah adalah salah satu unsur penting dalam objektif pendidikan negara. Isu-isu berkaitan dengan kurangnya minat, perkembangan, dan pencapaian yang tidak memuaskan dalam mata pelajaran Sejarah Islam bukanlah perkara yang baru dalam sistem pendidikan negara. Sebenarnya, ia telah lama menjadi perkara yang signifikan dan terus memerlukan penyelidikan serta usaha mencari penyelesaiannya (Mohd Salleh Lebar, 1996). Maka penyelesaian untuk hal ini memerlukan pelaksanaan pengajaran Guru Pendidikan Islam yang berkualiti, berkesan (KPM, 2014; Khairul Effendi *et al.*, 2019) dan mengaplikasikan KBAT (Tengku Nor Husna *et al.*, 2019; Talhah & Marzuki, 2019; Wan Ali *et al.*, 2021). Berdasarkan masalah yang diutarakan, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc) dalam Pendidikan Islam, termasuk isu amalan pelaksanaan Guru Pendidikan Islam (GPI), seperti kurikulum yang terlalu padat (Kunyo & Yasin, 2021; Hasan *et al.*, 2021; Faisal *et al.*, 2022); kekurangan latihan atau pendidikan yang mencukupi dalam pengajaran (Bakar & Noh, 2022; Sabilan *et al.*, 2022; Muda *et al.*, 2023); kurangnya kepakaran dalam menyampaikan PdPc (Salleh, S. F., 2018; Jusof & Hamzah, 2020; Jamin, 2018; Syaparuddin *et al.*, 2020); masalah kemahiran dalam pengurusan kelas (Yahaya, M. *et al.*, 2020; Nor *et al.*, 2021; Faisal *et al.*, 2022; Badli, 2023; Md Amin, 2023); dan isu bebanan kerja yang berlebihan (Hasan *et al.*, 2021; Faisal *et al.*, 2022; Elias *et al.*, 2022; Hasmadi *et al.*, 2022).

Akibat daripada permasalahan pengajaran yang tidak konsisten, kurang persediaan mengajar, dan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang ketinggalan zaman, serta penggunaan bahasa yang terlalu berfalsafah dalam pelaksanaan KBAT sepanjang PdPc, kesan yang timbul termasuk penghayatan dan kefahaman murid yang terjejas, kehilangan fokus dalam pembelajaran, serta struktur ilmu murid yang statik (Ab. Halim & Khairul Azman, 2010; Nursafra, 2017; Cathrine & Sabariah, 2019). Begitu juga, terdapat masalah dalam pendekatan kaedah GPI terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan KBAT dalam Pendidikan Islam.

Masalah lain termasuk GPI yang masih mengamalkan PdPc secara konvensional atau tradisional (Faisal *et al.*, 2022; Badli, 2023; Md Amin, 2023) dan ketiadaan perancangan kaedah yang efektif (Jusof & Hamzah, 2020; Tar & Mahmud, 2021; Faisal *et al.*, 2022). Maka, berdasarkan kajian sedia ada, adanya keperluan untuk kajian terbaharu dalam mengenalpasti faktor dalam pengajaran KBAT dalam Pendidikan Sirah. Hasil pengenalpastian faktor kelemahan ini dapat digunakan untuk menghasilkan bahan bantu mengajar atau model dan modul untuk membantu pengajaran GPI.

Sorotan Literatur

Latar Belakang Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Sirah

Pendidikan Sirah merupakan salah satu bidang dalam matapelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam bidang Sirah, kehidupan Nabi Muhammad diceritakan dari pelbagai sudut dan sangat menyeluruh. Menurut Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (2008) sirah, atau sejarah kehidupan Nabi Muhammad SAW, mencakupi berbagai aspek yang menyeluruh, mencerminkan kehidupan beliau sebagai suami, pemimpin, guru, murid, ibu bapa, dan anak. Kisah perjuangan, kepimpinan dan cabaran baginda dalam menyebarkan agama Islam ada diceritakan di dalam Sirah yang diajar di peringkat sekolah. Realiti yang berlaku hari ini menunjukkan bahawa, pembelajaran dalam bidang Sirah masih belum mengesani dalam kehidupan masyarakat (Amirah Syafiqah Anuar & Khadijah Abdul Razak, 2022).

Sirah sepatutnya dijadikan pedoman oleh umat Islam dalam setiap sisi kehidupan. Hal ini dapat diaplikasikan melalui asas dalam membentuk pengetahuan tentang ilmu Sirah yang menekankan pada bagaimana para sahabat Rasulullah SAW mempelajari dan mengadaptasi pengetahuan tersebut melalui konteks yang memastikan pemahaman menyakinkan, menyeluruh, dan mendalam terhadap peristiwa-peristiwa sebelumnya (Imam Ibn Abil, 1984; Ahmad Munawar, 2009; Zainudin Hashim, 2018). Oleh itu, guru-guru Pendidikan Islam perlu mampu merancang kaedah pembelajaran sirah yang bermakna serta menarik minat pelajar. Pemahaman ini selaras dengan pandangan Asmawati Suhid *et al.*, (2015) yang menyatakan bahawa pengajaran bermakna boleh dicapai melalui pendekatan pengajaran yang optimum. Kejayaan pembelajaran bergantung pada cara pengajaran yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam, termasuk dalam aspek perancangan, pelaksanaan, penilaian, dan refleksi. Pendekatan ini membantu pelajar memperkukuhkan pemahaman mereka terhadap proses pembelajaran dan menyokong keberkesanan pengajaran Pendidikan Sirah di Zaman Rasulullah SAW melalui Ta'alim dan Tarbiyah.

Pelaksanaan pendidikan pada zaman Rasulullah SAW, yang meliputi kaedah, kurikulum, tempat pendidikan, dasar, dan tujuan, selaras dengan pelaksanaan tarbiyah Islamiah, baik dari segi teori mahupun praktikal (Mohd Nawi, 2020). Awal pembentukan pengetahuan tentang sirah berpusat pada bagaimana para sahabat Rasulullah SAW mempelajari, mengadaptasi, dan mengamalkan ilmu tersebut, dengan fokus kepada pemahaman yang meyakinkan, menyeluruh, dan mendalam (Imam Ibn Abil, 1984; Ahmad Munawar, 2009). Pendidikan Sirah pada zaman Rasulullah SAW juga dicontohi melalui peranan utamanya yang sentiasa berinteraksi dengan para sahabat untuk menyampaikan ilmu sirah. Tujuannya adalah agar pemahaman mereka menjadi jelas, terperinci, dan dapat diambil pengajaran untuk diamalkan (Muhammad Rasyidi & Mohd Faizul, 2013).

Para sahabat menerima ilmu sirah daripada Rasulullah SAW tanpa banyak persoalan, dan jika timbul keraguan, mereka akan meminta penjelasan melalui majlis ilmu, perbincangan, atau halaqah dan usrah. Pendekatan ini digunakan oleh Rasulullah SAW untuk menjaga kesatuan masyarakat agar tidak terjadi perpecahan yang berpunca daripada perbezaan dalam pemahaman ilmu Islam (Ibn Kathir, 2010; Al-Shafi'i, 2010). Juga sahabat Rasulullah SAW, melakukan hal yang sama berdasarkan peristiwa sirah yang mereka lalui bersama Rasulullah SAW. Mu'az bin Jabal RA mengungkapkan dengan satu ungkapan, ketika mengingatkan sahabatnya, beliau telah berkata: ساعة نؤمن بنا اجلس (*Duduklah bersama kami, kita beriman sejenak*). Ungkapan ini juga telah di ikuti oleh orang kemudian iaitu Ibnu Rawaahah RA, ketika berkata kepada Abu ad-Dardaa' RA sambil memegang tangannya:

. ان ساعة نؤمن تعال القلب أسرع تقلبا من القدر اذا اس تجمعت غليان

(Marilah kita beriman sejenak. Sesungguhnya hati lebih cepat berbolak-balik daripada isi periuk yang sedang menggelegak).

(Ahmad Ar-Rasyid, 2010)

Selain itu, keperibadian Rasulullah SAW yang sentiasa menjaga hubungan erat dengan para sahabat telah menghasilkan nilai penghormatan dan persahabatan yang kuat dan kukuh. Ini menyebabkan para sahabat tidak meragui ilmu Islam, termasuk kisah sirah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW (Abd Latif Muda, 2010; Fauzi Hamat & Khairul Naim, 2012). Muhammad Athiyah (1970) dan Al-Syaibani (1991) memperincikan hal ini dengan menyatakan bahawa kekuatan ikatan antara para sahabat tercermin dalam tindakan mereka yang menjadikan setiap perlakuan dan keperibadian Rasulullah SAW sebagai panduan terbaik. Penjelasan ilmu sirah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW juga mempunyai objektif yang jelas, di mana ayat-ayat al-Quran yang mengisahkan teladan para nabi dan umat terdahulu dijadikan sebagai asas utama untuk memperkuat pemahaman sirah di kalangan para sahabat. Hal ini disokong oleh perbincangan para ahli tafsir (Wahbah al-Zuhaili, 1996; Ibn Kathir, 1986, 2010), yang menunjukkan betapa kukuhnya pemahaman sirah di kalangan sahabat, walaupun hanya berdasarkan beberapa ayat al-Quran.

Dan tiadalah Kami mengutus Rasul-Rasul sebelummu (wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki dari penduduk bandar, yang kami wahyukan kepada mereka. Maka mengapa orang-orang (yang tidak mahu beriman) itu tidak mengembara di muka bumi, supaya memerhatikan bagaimana akibat orang-orang kafir yang terdahulu dari mereka? Dan (ingatlah) sesungguhnya negeri akhirat lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Oleh itu, mengapa kamu (wahai manusia) tidak mahu memikirkannya?

(Surah Yusuf, 12: Ayat 109)

Pengajaran sirah dan keperibadian Nabi Muhammad SAW pernah menjadi komponen utama dalam sistem pendidikan Kerajaan Khalifah Turki Uthmaniyah (Noorazura Rahman, 2018). Penekanan terhadap sirah dan akhlak Nabi mencerminkan tekad khilafah untuk membina masyarakat, khususnya generasi muda yang sempurna. Sirah memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak umat Islam pada zaman kerajaan Islam ketika itu. Bahkan, dalam pembahagian ilmu Islam, ilmu tentang Rasulullah SAW dianggap sebagai fardu ain, yang wajib dipelajari oleh setiap Muslim pada zaman Kerajaan Uthmaniyah (Noorazura Rahman, 2018).

Begitulah, ilmu berkenaan sirah sangat penting dalam memberikan pengajaran dan membina peribadi yang unggul.

Pendidikan Sirah Mengintegrasikan KBAT

Konsep pengajaran melibatkan pengintegrasian KBAT dalam bilik darjah hanya dapat dilaksanakan setelah guru berjaya mewujudkan pembelajaran berasaskan perancangan yang teratur, penumpuan dan penglibatan secara menyeluruh daripada setiap murid (KPM, 2014; Yusmarwati *et al.*, 2015; Che Mas Saud *et al.*, 2017; Noraziah Mhd Yusop *et al.*, 2019). Oleh itu, guru memerlukan pendekatan berasaskan strategi, teknik dan kaedah yang dapat menggalakkan keupayaan murid untuk menjana proses penerokaan idea, menjustifikasikan setiap pernyataan dan membanding beza asas konstruk pembelajaran (Daniel & Auriac, 2011; Chew Fong Peng, 2014). Maka, pelaksanaan iaitu guru perlu memahami hasrat ini dengan mengaplikasikan PAK21 selari dengan hasrat PPPM 2013-2025.

Langkah memartabatkan bidang sejarah dan sirah tidak dapat direalisasikan sekiranya murid hanya menghafal fakta yang membataskan perkembangan pemikiran dan hanya lulus peperiksaan (Renuka Ramakrishnan *et al.*, 2014; M. Kaviza, 2019). Bagi mencapai matlamat ini, para guru perlulah menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bidang sirah dan sejarah agar dapat mendorong murid menghayati ilmu tersebut dalam kehidupan mereka (Abdul Razaq Ahmad, 2010; Rosy Talin, 2015) dan melibatkan diri secara aktif (Wineburg *et al.*, 2018; M. Kaviza, 2018) seperti yang telah digariskan dalam kurikulum sejarah (Pihak Perkembangan Kurikulum (PPK), 2015). Justeru, pendidikan sirah penting diintegrasikan dengan KBAT agar melahirkan ilmu sirah tersebut yang berjiwa pahlawan (Ibn Khaldun, 1996).

Penerapan Kemahiran Berfikir dalam Pendidikan Sirah di Indonesia

Pengajaran Sirah di Indonesia telah mengalami transformasi signifikan dengan pengintegrasian kemahiran berfikir aras tinggi dalam pendekatan pedagoginya. Berbeza dengan kaedah tradisional yang hanya memfokuskan kepada penghafalan peristiwa dan tokoh dalam sejarah Islam, pendekatan kontemporari menggalakkan pelajar untuk menganalisis konteks sosio-politik zaman Rasulullah SAW, menilai secara kritis keputusan-keputusan strategik dalam peperangan dan perjanjian, serta mengaplikasikan pengajaran moral dalam situasi kehidupan moden. Para pendidik di pondok pesantren mahupun sekolah umum kini menekankan aspek pemikiran kritis, reflektif dan kreatif dengan merancang aktiviti pembelajaran seperti perbincangan dilema moral, analisis perbandingan antara kepimpinan Rasulullah dengan pemimpin kontemporari, dan projek penyelidikan yang menghubungkan peristiwa Sirah dengan isu-isu semasa Indonesia. Namun, Menurut kajian Haerol Ansori (2019) menyatakan para guru mengalami masalah mengadaptasikan HOTs dalam subjek Sejarah Kebudayaan Islam kerana kurang pengalaman walaupun arahan telah dibuat dari peringkat atasan. Maka, wujud keperluan kepada kajian lanjut untuk menambah kualiti dalam hal ini. Keperluan ini tidak sahaja membantu pemahaman pelajar tentang Sirah, tetapi juga memupuk kemahiran berfikir yang diperlukan untuk menghadapi cabaran kompleks dalam masyarakat Indonesia yang sedang berkembang.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui temubual berstruktur secara individu dengan guru-guru Pendidikan Islam yang terlibat sebagai responden. Kajian akan dijalankan dengan menemubual guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) seramai 6 orang. Mereka terdiri

daripada 6 orang guru sekolah menengah dari 5 buah sekolah di Selangor. Pemilihan sampel dilakukan secara sampel bertujuan (*Purposive Sampling*) kerana kajian ini hanya melibatkan guru Pendidikan Islam yang mengajar Pendidikan Islam Tingkatan 1 hingga 5 dan guru yang berpengalaman sepuluh tahun ke atas. Sampel terdiri daripada 1 orang guru lelaki dan 5 orang guru perempuan. Soalan temubual berstruktur dibina adalah berasaskan objektif kajian. Soalan temubual telah disahkan oleh dua orang pakar. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kesediaan dan keperluan guru di dalam pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah dan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru-guru di dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi di dalam pengajaran di sekolah menengah. Data dari temubual kemudian dianalisis menggunakan kaedah analisis yang merangkumi kegiatan memproses maklumat, membahagikannya kepada komponen yang lebih kecil dan terkawal, menggabungkan semula elemen-elemen tersebut, mengenal pasti pola, menentukan aspek-aspek penting yang perlu dikaji dengan lebih mendalam, dan akhirnya membuat keputusan berkenaan maklumat yang relevan untuk dikongsi dengan pihak lain (Bogdan & Biklen, 1982).

Objektif Kajian

Maka berdasarkan sorotan literatur dan disesuaikan dengan metodologi kajian, penetapan objektif kajian serta persoalan kajian ini adalah seperti berikut iaitu

- i. Menenalpasti faktor kelemahan yang terdapat pada bidang KBAT Pendidikan Sirah.

Soalan Kajian

- i. Apakah perspektif guru Pendidikan Islam terhadap faktor kelemahan yang terdapat pada bidang KBAT Pendidikan Sirah?

Dapatan Kajian

Fasa ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi penganalisaan dengan mendalam menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Secara umumnya, hasil dapatan merangkumi dapatan utama temubual meliputi analisis demografi responden dan seterusnya analisis data berkaitan factor kelemahan yang terdapat pada bidang KBAT Pendidikan Sirah.

(a) Analisis Demografi Responden

Seramai 6 orang GCPI telah menjawab soalan temubual separa struktur.

Jadual 4.1 Dapatan Bahagian A: Demografik Responden

Aspek		Peratus (n)
Jantina	Lelaki	16.7% (1)
	Perempuan	83.3% (5)
Umur	20-30	0% (0)
	31-40	0% (0)
	41-50	66.7% (4)
	51 dan ke atas	33.3% (2)
Latar Belakang Akademik	Diploma	0% (0)
	Sarjana Muda	50% (3)
	Sarjana	33.3% (2)
	Doktor Falsafah	16.7% (1)

Pengalaman Kerja	10-15 Tahun	0% (0)
	16-20 tahun	16.7% (1)
	21-25 tahun	66.7% (4)
	26-30 tahun	16.7% (1)
	31 tahun ke atas	0% (0)
Sekolah yang Pernah Mengajar	1-2 sekolah	33.3% (2)
	3-4 sekolah	66.7% (4)
	5 sekolah dan ke atas	0% (0)

Berdasarkan data yang terdapat dalam jadual, 6 orang responden telah terlibat dalam kajian fasa analisis keperluan. Daripada jumlah tersebut, mengikut jantina, majoriti responden adalah perempuan iaitu 83.3% atau 5 orang. Hanya seorang responden sahaja lelaki (16.7%). Kajian ini juga menunjukkan kebanyakan responden berumur antara 41-50 tahun 66.7% atau 4 orang. Dua orang responden berumur 51 tahun ke atas (33.3%). Tiada responden berumur 40 tahun ke bawah. Selain itu, dari aspek latar belakang akademik, separuh daripada responden memiliki Sarjana Muda iaitu 50% atau 3 orang. Sementara dua orang mempunyai ijazah kelulusan sarjana (33.3%) dan seorang mempunyai doktor falsafah (16.7%). Tiada responden dengan tahap diploma. Daripada jumlah tersebut, majoriti responden mempunyai pengalaman kerja 21-25 tahun iaitu 66.7% atau 4 orang. Seorang responden masing-masing mempunyai pengalaman 16-20 tahun (16.7%) dan 26-30 tahun (16.7%). Tiada responden dengan pengalaman kurang dari 16 tahun atau lebih dari 30 tahun. Selain itu, majoriti responden pernah mengajar di 3-4 sekolah, iaitu 66.7% atau 4 orang. Dua orang responden pernah mengajar di 1-2 sekolah (33.3%) dan tiada responden yang pernah mengajar di 5 sekolah atau lebih.

Hasil kajian merangkumi pandangan guru tentang masalah-masalah yang timbul semasa pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Sirah sekolah menengah adalah seperti berikut;

(1) Faktor kemahiran menghafal - susah untuk menghafal

Melalui penceritaan keenam-enam informan, Pendidikan Sirah memerlukan kepada pengetahuan tentang fakta dan ini menjadi salah satu faktor kelemahan yang terdapat pada murid kerana mereka susah untuk menghafal fakta. Hal ini disokong oleh Syaubari Othman, 2017, untuk penghasilan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT, menjadi keperluan kepada guru untuk membentuk asas pengetahuan terlebih dahulu berdasarkan prinsip KBAR iaitu mengingat dan mengetahui. Ini disebabkan, keupayaan kognitif tidak dapat diperkembangkan sekiranya terdapat batasan di dalam asas pengetahuan dan kemahiran mengadaptasi, ini kerana proses menstrukturkan kognitif ini perlu dilaksanakan dengan aras mengingat, ditambahbaik dengan aras mengetahui dan seterusnya menuju ke arah mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Swartz, Costa., Kallick, Beyer & Reagan, Rebecca, 2008; Saveedra *et al.*, 2012). Hal ini berdasarkan kenyataan Informan 2.

“... Sirah tu memang susah sikit sebab dia fakta kan.” (GC2)

Masalah ini turut diperincikan lagi menerusi pandangan Informan 6.

“Kalau Form 4, 5 (Tingkatan 4 dan 5) ialah Kerajaan Khulafa’ Ar Rasyidin, Abbasiah, Umayyah semua, dia memang susah nak ingat Budak memang susah nak ingat, budak tak minat, macam belajar Sejarah.”. (GC6)

Perkara yang sama turut diakui oleh Informan 3 dan Informan 4 yang menyatakan:

“Mereka tahu biodata, sumbangan, hasil karya buku dia mereka confuse cara nak mengingat fakta tu...” (CG3)

“Ada juga minat. Tapi yang masalahnya dengan nak ingat fakta dan menyebabkan kalau kita tanda kertas periksa tu, ada lima bahagian satu bagi Sirah, yang itu markah agak rendah. Dan antara banyak banyaknya yang mereka sangat susah nak hafal yang empat kerajaan.” (GC5)

Namun, sekiranya pembelajaran sirah yang diajar lebih menekankan murid supaya menghafal fakta-fakta penting tanpa murid diberi kefahaman (Norzaharah Yahya, 2011) akan mendedahkan murid kepada hafalan semata-mata dan sukar menimbulkan penghayatan dalam diri mereka terhadap Sirah Rasulullah SAW. (Awi & Zulkifli, 2020).

(2) Faktor kemahiran membaca Jawi - murid tidak mahir membaca Jawi

Berdasarkan butiran yang diberikan oleh Informan, wujud masalah murid yang sukar atau hampir tidak dapat membaca Jawi. Hal ini menyebabkan murid tidak dapat merujuk kepada buku teks dalam mengetahui fakta dan cerita Sirah. Hal ini dijelaskan oleh Informan 2

“...Memanglah. yang lagi satu kalau murid yang memang kurang pandai membaca. Walaupun dah sampai ke tingkatan-tingkatan ni pun ada. Yang susah nak membaca. Yang memang langsung tak boleh baca jawi sedangkan buku teks kita dalam jawi, so cikgu biasa yang bantu dengan bagi nota rumilah. Sebab tu tak boleh baca buku teks jawi. Pastu bagi bantuan rumi dan tapi tu pun kalau murid yang rajinlah. Kalau muridnya pun memang jadi tak rajin bagi nota bagi apapun hilang”. (GC2).

Kenyataan Informan lain juga adalah seperti berikut:

“...pelajar pun ada yang tak pandai membaca Jawi... jadi masalah lah sikit mereka kalau nak merujuk buku teks...”. (GC1)

“...satu kursus sahaja yang diajar kepada pelajar yang biasanya diambil sekitar pelajar semester ke, maknanya semester-semester awal lah, tahun 2 tahun 3 begitu. Jadi, satu kursus pun tak cukup rasanya untuk pelajar”. (GC4)

(3) Faktor penguasaan kemahiran menjawab soalan

Pengkaji cuba meninjau pendapat Informan apakah aspek khusus yang menyebabkan murid tidak dapat menjawab soalan KBAT dengan baik. Jelasnya, rata-rata Informan cenderung menyatakan bahawa kebanyakan murid tidak dapat menguasai kemahiran atau Teknik menjawab soalan dengan baik. Hal ini jelas diketahui pada sesi temubual bahawa kebanyakan murid mempunyai masalah memahami kehendak soalan, memahami perkataan-perkataan yang digunakan dalam soalan. Informan 1 menyatakan

“...ada masalah untuk menjawab menggunakan perkataan yang tepat, yang lebih tinggi.”. (GC2)

Tambahan lagi, jika murid merupakan murid yang bijak (berada di sekolah terpilih), mereka tidak mempunyai masalah berbanding murid yang di tahap sederhana atau lemah. Informan 6 menyebut "...Kalau dekat sekolah X, tiada masalah sangat sebab teknik KBAT tu dia sama daripada tingkatan 1 sampailah tingkatan 5 'basically' sama je. Maksudnya teknik yang digunakan tu sama je kalau dia dah faham daripada awal, tidak ada masalah ni nak jawab sampai Form 5 (tingkatan 5) tu.". (GC6).

Kenyataan Informan lain menyebut jika Teknik menjawab dikuasai dengan baik, murid akan berpeluang lebih cerah untuk mendapatkan markah. Kenyataan tersebut dapat dipaparkan seperti di bawah:

"... Jadi jawapan itu umumlah. Tak semestinya kena baca ke - tak payah, dia boleh jawab sendiri. Itu semua boleh bantu dia untuk dapat markah. Dapat 4 markah tu, boleh sangatlah bantu. Kalau dia faham, betul cara cara dia jawab, ada isi, ada huraian, senang-senang boleh dapat 4 markah kat situ....". (GC3)

(4) Faktor Murid

(a) Pelbagai latar belakang

Hasil analisis temubual mendapati kepelbagaian latar belakang murid turut menjadi penyumbang kepada kelemahan dalam pengajaran KBAT Pendidikan sirah. Hal ini disebabkan aspek awal yang dikenal pasti ialah murid secara umumnya mempunyai pelbagai peringkat iaitu lemah, sederhana dan tinggi.

Perkara tersebut diperjelas oleh 4 daripada 6 Informan sebagaimana dikuatkuatkan oleh kenyataan Informan 1 dan 5

"Pelajar ada pelbagai peringkat, yang lemah, sederhana dan tinggi. Yang mungkin bermasalah tu, yang lemah ni, kena tahu macam mana nak 'tackle'." (GC1)

"Tingkatan 4 'slow' sikit. Sebab silibusnya berbeza, bila naik 'upper form'. Format berbeza. Bila masuk Form 4, dia tak biasa. ...". (GC5).

(b) Sikap

Dapatan temubual juga mendapati ada sesetengah murid tidak menguasai KBAT Pendidikan sirah kerana masalah sikap. Ada yang menganggap Sirah ini seperti Sejarah yang membosankan. Nurul Eeffah (2016) menambah bahawa peranan guru Pendidikan Islam menyampaikan pengajaran hanya sekadar menceritakan sahaja tanpa mengaitkan kehidupan Rasulullah SAW dengan situasi sekarang. Maka, jelas sekali murid tidak dapat melihat perkaitan dan menganggap sirah hanyalah satu bidang dalam Pendidikan Islam yang perlu dihafal. Seterusnya, menurut Ngasiman (2014), guru Pendidikan Islam yang tidak kreatif dalam pengajarannya akan membuatkan murid cepat bosan dan ini akan mengakibatkan murid tidak berminat dan tidak bermotivasi. Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa peranan guru Pendidikan Islam sangat penting dalam menerapkan minat murid terhadap sirah agar penghayatan dalam diri murid dapat dipupuk. Informan 5 dan 6 menyatakan

“... pelajar selalu mengatakan belajar Sirah macam Sejarah. Seperti Sejarah, mereka kata bosan...” (GC5)

“...Sebab kadang kalau kita mengajar Sirah ni bosan, bagi mereka sendiri cari, buat ‘slides’. Macam tokoh- kita bagi siap-siap tokoh, mereka buat sendiri...” (GC6)

(4) Guru tidak membuat perkaitan (menghubungkan)

Nurul Eeffah (2016) menambah bahawa peranan guru Pendidikan Islam menyampaikan pengajaran hanya sekadar menceritakan sahaja tanpa mengaitkan kehidupan Rasulullah SAW dengan situasi sekarang. Maka, jelas sekali murid tidak dapat melihat perkaitan dan menganggap sirah hanyalah satu bidang dalam Pendidikan Islam yang perlu dihafal.

Talizaro Tafonao (2018) menyatakan kepentingan bahan bantu pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menunjukkan peri pentingnya meningkatkan kemahiran berfikir, tumpuan dan minat murid untuk belajar.

Guru Pendidikan Islam juga perlu memupuk pembelajaran aktif dalam proses PdPc. Tengku Sarina (2014) dan Hazzan *et al.* (2011) melalui Awi & Zulkifli (2022) menyatakan pembelajaran aktif melibatkan aktiviti berpusatkan murid, aktiviti secara berkumpulan diterima secara meluas sebagai satu pendidikan yang berkualiti.

Dapatan dari temubual menunjukkan bahawa secara purata, responden bersetuju bahawa elemen yang perlu dititik beratkan adalah bermula dengan penguasaan ilmu dan juga mahir dalam penilaian iaitu penguasaan cara menjawab soalan KBAT. Hal ini disebabkan tanpa menguasai cara menjawab soalan, penilaian terhadap murid tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Selain itu, latih tubi membantu murid mengenal pasti masalah, jalan penyelesaian dan menganalisa. Malah boleh mendorong mereka memahami kehendak soalan yang akhirnya boleh dipraktikkan ketika mereka berada di tahap pembelajaran yang berbeza (Bakar, 2023). Namun, elemen yang terpenting juga menurut responden adalah murid mempunyai kebolehan menghubungkan, keupayaan menganalisis dan keupayaan mencipta. Beberapa pandangan dicadangkan oleh responden, termasuk memberikan tips dan kerangka, seperti mencadangkan penglibatan murid dalam penyediaan pembelajaran. Oleh itu, hasil dapatan ini menunjukkan bahawa guru perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam membangunkan strategi dan pendekatan untuk membantu murid menguasai elemen KBAT.

Berdasarkan kajian ini, saya dapat membuat beberapa kesimpulan penting iaitu terdapat beberapa faktor kelemahan utama dalam pengajaran KBAT Pendidikan Sirah di sekolah menengah, kesukaran murid dalam menghafal fakta, kelemahan murid dalam membaca tulisan Jawi yang menjejaskan kepenggunaan buku teks, kekurangan kemahiran menjawab soalan KBAT, kepelbagaian latar belakang murid yang memerlukan pendekatan berbeza serta sikap murid yang menganggap Sirah membosankan seperti mata pelajaran Sejarah, dan guru yang kurang membuat perkaitan antara Sirah dengan konteks kehidupan semasa. Kajian ini juga menunjukkan pentingnya peranan guru dalam memperbaiki keadaan melalui penggunaan kaedah pengajaran yang lebih kreatif dan interaktif, penekanan pada pemahaman berbanding hafalan semata-mata, menghubungkan pengajaran Sirah dengan realiti kehidupan semasa, penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik, menggalakkan pembelajaran aktif

yang berpusatkan murid. Untuk penambahbaikan, kajian mencadangkan guru perlu lebih proaktif dalam membangunkan strategi pengajaran KBAT, penekanan pada penguasaan asas sebelum beralih ke aras pemikiran lebih tinggi serta keperluan untuk menjadikan pembelajaran Sirah lebih bermakna dan relevan. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran KBAT dalam Pendidikan Sirah memerlukan pendekatan yang holistik dan seimbang, dengan mengambil kira keperluan murid serta peranan penting guru dalam menjayakan proses pembelajaran.

Rujukan

Al-Quran

- A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod. (2015). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Salak Didik dengan Elemen Nyanyian dan Elemen Pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1), pp. 53-60.
- Ab. Halim Tamuri & Mohammad Khairul Azman AJuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep “Muallim”. *Journal Islamic and Arab Education*, 2(1), pp. 43-56.
- Ab. Halim Tamuri dan Nur Hanani. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dalam kepelbagaian budaya: Harapan dan cabaran. Kertas Kerja Ucapan Utama Seminar Pedagogi Antarabangsa ke-8 (PEDA8) Kuala Lumpur.
- Abdul Razif Zaini, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Muhammad Redzaudin Ghazali, Mohd Rufian Ismail. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan Dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*. 12(1), pp. 47-57.
- Abdull Sukor Shaari. (2011). *Pedagogi dari sekolah ke Institut Pendidikan Tinggi*. Sintok, Kedah: Penerbit UUM.
- Aizan binti Ali @ Mat Zin, Murni binti Buchik (2017). Isu Dan Cabaran Pendidikan Remaja Muslim Di Malaysia (Issues and Challenges on Muslim Teenagers’ Education in Malaysia), *Jurnal al-Tamaddun*, 12 (2), 2017, 41-49
- Ahmad Munawar Ismail. (2009). Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. (Tesis Kedoktoran). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amirah Syafiqah Anuar & Khadijah Abdul Razak. (2022). Penggunaan “Augmented Reality” di Dalam Pengajaran Sirah [Application of “Augmented Reality” in Teaching Sirah]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(2), pp. 56-67.
- Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2012). Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Educational*, 2(4), pp. 57-70.
- Awi, N. A. L., & Zulkifli, H. (2021). Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran Abad Ke-21. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam and Civilization (Acer-J)*. eISSN2600-769X, 4(1), 40-54.
- Awi, Nur & Zulkifli, Hafizhah. (2020). Kaedah Fan-N-Pick dalam Pembelajaran Sirah Pendidikan Islam: Fan-N-Pick Method in The Learning of Sirah in Islamic Education. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*. 4. 61-69. 10.53840/attarbawiy.v4i2.42.
- Bogdan, R., & Biklen, S. K. (1982). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Allyn <https://books.google.com.my/books?id=wIOcAAAAMAAJ>

- Cathrine Masingan & Sabariah Sharif. (2019). Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Sekolah Menengah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, pp. 76-84. ISSN 1511-6530.
- Fauzi Ali. (2017). Kompetensi Profesional Guru – Guru Sejarah Sekolah Menengah di Malaysia. (Tesis Kedoktoran). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hanani Hussin. (2017). Pengajaran Ibadat dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam. (Tesis Kedoktoran). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hoerul Ansori. 2019. Pengembangan Bahan Ajar Berbasis Higher Order Thinking Skills (HOTS) Pada Mata Pelajaran Sejarah Kebudayaan Islam (Tesis Sarjana). State Islamic University Sunan Kalijaga. Yogyakarta.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman Muhammad. (1377). Muqaddimah Ibn Khaldun, 4. Kaherah: Lajnah al-Bayan al-Arabi.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). Surat Pekeliling Ikhtisas, 11. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 2 Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khairul Effendi Kamaruzaman, Faiz Yaakob, Hapini Awang. (2019). Tahap dan Perasaan Ketika Penyeliaan Pengajaran Guru: Kajian di Sekolah Agama Yayasan Islam Kelantan. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 2(1), pp. 1-15.
- Mohd Salleh Lebar (1996), *Kurikulum Pendidikan Malaysia*, Kuala Lumpur.
- Mohd Naw, M. Z. (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan: Transformation of Multimedia Teaching and Learning in Islamic Education: A Discussion, *Journal of ICT in Education*, 7(2), pp. 14–26. doi: 10.37134/jictie.vol7.2.2.2020.
- Muhammad Said Ramadhan al-Buti. (1984). *Fiqh al-Sirah*. Terj, Mohd Darus Sanawi ‘Ali. Dewan Pustaka Fajar.
- Mohd Naw, Muhammad. (2020). Pelaksanaan Tarbiah Islamiah Pada Zaman Rasulullah s.a.w di Mekah dan Madinah: Satu Sorotan (The Implementation of Islamic Education during Prophet Muhammad s.a.w Era in Mecca and Medina: A Review). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 7. pp. 27-43. DOI: 10.11113/umran2020.7n3.430.
- Nazri Abu Bakar. (2023). Ibu bapa merungut KBAT tersasar. Oleh Nazri Abu Bakar - September 4, 2023 @ 5:08pm. Berita harian. Ibu bapa merungut KBAT tersasar (bharian.com.my)
- Noorazura Rahman. (2018). Pendidikan perlu tekankan sirah, keperibadian Nabi. Oleh Noorazura Abdul Rahman - November 17, 2018 @ 8:02am. Berita harian, Link, Pendidikan perlu tekankan sirah, keperibadian Nabi (bharian.com.my)
- Norhaslina A. (2013). Pemahaman, Amalan dan Permasalahan Guru Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). (Tesis Sarjana Pendidikan). Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Husna Jamil, Hasanah Abd Khafidz & Khazri Osman. (2018). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Tadzakur. Seminar Serantau Pendidikan Tinggi Islam (SEIPTI 2018). Diterbitkan di Malaysia oleh, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Universiti Sains Islam Malaysia, pp. 92-102. e-ISBN: 978-967-440-595-3.

- Norsaleha Mohd Salleh. (2015). Penghayatan Akidah, Ketenangan hati dan Ketegangan Rohani Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. (Tesis Kedoktoran). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nursafra Zhaffar. (2017). Kefahaman dan Amalan Penerapan Pemikiran Kritis dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah. (Tesis Kedoktoran). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Eeffah Awang. (2016). Pembentukan akhlak menurut Al-Ghazali dalam sistem pendidikan kini. Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11 15-16 November 2016, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor: pp. 613–626.
- Othman, Mohd & Mohammed, Ahmad & Kassim, Ahmad. (2017). Konsep Malakah Ibnu Khaldun dalam konteks pengajaran yang menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Ibnu Khaldun concept of Malakah in the teaching context that implementing Higher Order Thinking Skills (HOTS). *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 2. 12-26. 10.53840/alirsyad.v2i2.15.
- Rosnani Hashim. (2012). Rethinking Islamic Education in Facing The Challenges of The Twenty-first Century. *American Journal of Islamic Sosial Sciences*, 22(4), pp. 133-147.
- Rosnani Hashim, Muhammad Zahiri Awang Mat, Adnan Abd Rashid, Ainol Madziah Zubairi, & Mohd Farid Mohd Shahrani (2022), Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah bagi Menghadapi Cabaran Pendidikan Abad Ke-21 dari Perspektif Guru, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1), pp. 65-79 DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2022-47.01-06>
- Swartz Robert, Costa Arthur., Kallick Bena, Beyer Barry & Reagan, Rebecca. (2008). Thinking-based learning: Activating students' potential. Norwood, MA: Christopher-Gordon Publishers.
- Talhah Ajmain & Marzuki Mohamad. (2019). Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). *Conference: The Sixth International Social Sciences Postgraduates Conference (6th ISPC 2019)*. At: School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities Universiti Teknologi Malaysia.
- Talhah Ajmain. (2021). Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Sirah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. . (Tesis Kedoktoran). Universiti Teknologi Malaysia.
- Tengku Nor Husna, Hasanah, Khazri (2019). Strategi Guru Pendidikan Islam Sebagai Pendakwah dalam Melahirkan Pelajar Berfikir Aras Tinggi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 4(19), pp. 97-107.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Ab. Halim Tamuri. (2020). Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam Mengikut Bidang. *Sains Insani*, 5(1), pp. 14-21
- Yahaya, A., & Chu, S. P. (2010). Teori-Teori Pembelajaran. Teori-Teori Pembelajaran, 1-4. UTM (Unpublished)
- Yusmarwati Yusof, Rohayu Roddin & Halizah Awang, (2015). What Students Need, and What Teacher Did: The Impact of Teacher's Teaching Approaches to the Development of Students Generic Competences. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 204, pp. 36-44.
- Zainudin Hashim. (2018). Pendekatan Pembangunan Insan Menurut Hasan Al-Banna: Menerusi Kitab Majmu'ah Al-Rasail. Tesis. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Zakaria, N., Abdul Halim, A., Syed Hassan, S. N., & Salaeh, A. (2022). Pengetahuan Tentang Sirah Rasul Di Sekolah Rendah Islam (SRI) Ikram Musleh: Kajian Teroka Di Negeri

Sembilan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(50), pp. 133
– 142